

**MIGRASI PENDUDUK KERINCHI SUMATERA KE SEMENANJUNG  
TANAH MELAYU**  
*(Migration of the Population of Kerinchi Sumatra to the Malay Peninsula)*

Aisyah Zakaria\* & Asyiqin Ab Halim\*\*

**Abstrak**

Artikel ini membincangkan mengenai migrasi penduduk Kerinchi Sumatera ke semenanjung Tanah Melayu. Masyarakat Kerinchi pada awalnya wujud di Indonesia yang mula bermigrasi ke Malaysia sejak dulu lagi. Terdapat banyak pembinaan kampung bagi masyarakat Kerinchi di Malaysia antaranya Kampung Kerinchi, Kampung Abdullah Hukum dan sebagainya. Artikel ini akan menekankan dua perkara iaitu mengkaji konsep migrasi dan mengenalpasti migrasi masyarakat Kerinchi ke Malaysia serta faktornya. Data-data kajian diambil melalui kaedah dokumentasi yang mana diperolehi dari buku-buku dan pangkalan data artikel ilmiah. Selain itu data-data yang diperolehi ini akan dianalisis melalui kaedah induktif dan deduktif. Dengan ini dapat dinyatakan migrasi ini sudah berlaku dalam tempoh yang agak lama dan ini didorong oleh faktor pendorong dari negara asal dan faktor penarik dari negara tujuan seperti peluang ekonomi yang lebih banyak, suasana negara dan kemudahan yang tersedia. Bagi masyarakat Kerinchi, migrasi ini berlaku disebabkan oleh faktor ekonomi dan dorongan sesama mereka yang mana mereka yang tinggal atau pekerja di Malaysia mengajak keluarga atau rakan mereka di negara asal untuk berhijrah ke Malaysia.

**Kata kunci:** Penduduk Kerinchi, migrasi, Indonesia, Malaysia, Tanah Melayu

**Abstract**

*This article discusses the migration of the Kerinchi people of Sumatra to the Malay Peninsula. The Kerinchi community originally existed in Indonesia that started migrating to Malaysia long ago. There are many village constructions for the Kerinchi community in Malaysia, including Kampung Kerinchi, Kampung Abdullah Hukum and so on. This article will emphasize two things, which is to study the concept of migration and identify the migration of the Kerinchi community to Malaysia and its factors. The research data is taken through the documentation method which is obtained from books and databases of scientific articles. In addition, the data obtained will be analyzed through inductive and deductive methods. With this it can be stated that this migration has been happening for quite a long time and this is driven by driving factors from the country of origin and pulling factors from the destination country such as more economic opportunities, the atmosphere of the country and the facilities available. For the Kerinchi community, this migration occurs due to economic factors and mutual encouragement where those who live or work in Malaysia invite their family or friends in the country of origin to migrate to Malaysia.*

**Keywords :** *Kerinchi people, migration, Indonesia, Malaysia, Malaya*

---

\* Aisyah Zakaria. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [isyahzakaria93@gmail.com](mailto:isyahzakaria93@gmail.com)

\*\* Asyiqin Ab Halim (PhD). Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [aasyiq5@um.edu.my](mailto:aasyiq5@um.edu.my)

## **Pengenalan**

Masyarakat Kerinchi adalah salah satu kumpulan masyarakat minoriti yang terdapat di Malaysia. Masyarakat Kerinchi ini pada asalnya berasal dari Kota Kerinchi di Daerah Jambi, Indonesia. Mereka sejak dahulu lagi dikenali sebagai masyarakat perantau, mereka bahkan merantau dan menetap hingga ke negara jiran dan membentuk kelompok pemukiman di pelbagai daerah di Nusantara. Kewujudan masyarakat Kerinchi ini berlaku disebabkan berlakunya migrasi dari tempat asal mereka ke Malaysia seterusnya membina penempatan mereka disini. Dewasa ini ribuan masyarakat Kerinchi menetap dan menjadi penduduk tetap di Malaysia.

Penempatan masyarakat Kerinchi di Malaysia dapat dilihat dengan adanya kampung Kerinchi, Bangsar. Kampung Kerinchi telah dibuka sekitar tahun 1890-an oleh Abdullah Hukum. Dengan kewujudan kampung ini, ia telah berjaya menyatukan tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Maka secara tidak langsung interaksi antara kaum ini tercipta dengan jayanya dan lancar.<sup>1</sup>

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, migrasi adalah perpindahan penduduk dari sebuah negara atau tempat ke negara atau tempat yang lain.<sup>2</sup> Migrasi ini telah berlaku dalam tempoh yang lama namun kemudahan teknologi dan pengangkutan menjadikan ia berlangsung dengan cepat dan dalam skala yang banyak.<sup>3</sup> Sebahagian besar para ahli menganggap bahawa migrasi memiliki aspek yang sangat luas untuk diteliti dan pengetahuan mengenai fenomena ini sangat berguna dalam kegiatan pembangunan yang dilakukan oleh sesebuah negara. Selain itu, fenomena migrasi ini juga merupakan salah satu dari tiga komponen penting dalam perubahan jumlah penduduk dunia selain dari komponen yang lain iaitu kelahiran dan kematian.<sup>4</sup>

Menurut Chotif (1999) menyatakan faktor yang mempengaruhi perpindahan manusia antara negara adalah perbezaan tahap pembangunan, ciri kependudukan, konflik politik, menurunnya daya tampung persekitaran, polisi kerajaan, hubungan sejarah dan politik antara suatu negara dengan Negara yang lain. Pernyataan ini selari dengan apa yang dikemukakan oleh Nasution (1999) bahawa perbezaan demografi, budaya dan model pembangunan yang diterapkan menyebabkan kemajuan sosial ekonomi yang dicapai bagi setiap negara berbeza. Dengan perbezaan ini, ia telah mendorong penduduk meninggalkan Negara asalnya untuk mencari kehidupan yang lebih baik di Negara lain yang mana memiliki peringkat ekonomi yang lebih tinggi daripada negara asal mereka seperti kedatangan rakyat Indonesia ke Malaysia.<sup>5</sup>

Oleh itu, penulisan ini adalah sebahagian daripada dapatan kajian yang bertemakan identiti masyarakat Kerinchi di Malaysia. Menurut Asmah Haji Omar (2005), kewujudan masyarakat Kerinchi, termasuklah Jawa, Bugis, Minangkabau, Mandailing dan sebagainya di

---

<sup>1</sup> Siti Salmiah A Hamid, 2016, *Transformasi Kampung Kerinchi*, <https://www.hmetro.com.my/node/153645>, dicapai pada 14 Mei 2020

<sup>2</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=migrasi>

<sup>3</sup> Syaikat, Ahmad. 1997. *Faktor-Faktor Yang Menentukan Pilihan Derah Tujuan Migrasi Penduduk Jawa Barat Berdasarkan Data SUPAS 1985*, Thesis Mahasiswa Pasca Sarjana. Jakarta: Pasca Sarjana Universitas Indonesia. hlm 19.

<sup>4</sup> Abdullah, Syahfirin. 1996. *Faktor-Faktor Penentu Status Migran Penduduk Propinsi Lampung*, Thesis Mahasiswa Pasca Sarjana. Jakarta: Pasca Sarjana Universitas Indonesia. hlm 24

<sup>5</sup> Sukri Nyompa, Noraziah Alit, Mohd Fuad Mat Jali, Katiman Rostam, 2012, *Migrasi dan Impaknya Terhadap Aspek Sosial dan Ekonomi di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia*, Jurnal Perspektif Vol. 4 No. 2 (Nov. 2012) 85-98 ISSN 1985 - 496X, Selangor : Centre for Social, Development and Environmental Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 86.

Malaysia berlaku disebabkan kecenderungan merantau dan membuka negeri baharu oleh penduduk dari kepulauan Indonesia ke kawasan tertentu, terutamanya dalam lingkungan Alam Melayu. Menurut Nelmawani Bungo dan Nordin Hussin (2011), tradisi migrasi atau penghijrahan suku bangsa Melayu dari kepulauan Melayu ke Tanah Melayu paling pesat berlaku pada abad ke 19 dan ke 20.<sup>6</sup>

## Sorotan Kajian

Sorotan kajian lepas adalah bertujuan mencari isu dan mengenal masalah dan membina satu kerangka konsep berdasarkan teori-teori sedia ada sebagai pemudah cara membuat kajian. Dalam konteks kajian ini, tinjauan terhadap kajian lepas bertujuan mendapatkan gambaran tentang latar belakang kajian dengan memberi tumpuan migrasi penduduk Kerinchi Sumatera ke semenanjung Tanah Melayu.

Penulisan daripada Nurmailinda, 2017 yang bertajuk Alasan Pasangan Suami Istri Merantau Ke Malaysia Kasus Desa Seleman, Kecamatan Danau Kerinci, Kabupaten Danau Kerinci memperlihatkan penelitian kepada suatu kebiasaan yang terjadi dalam masyarakat Desa Seleman iaitu kebiasaan masyarakat yang melakukan perantauan ke Malaysia, terlebih lagi yang pergi merantau bukan hanya suami saja tetapi juga dilakukan oleh isteri atau pasangan suami isteri yang sama-sama merantau ke Malaysia. Penelitian ini menfokuskan di dua tempat yang berbeza iaitu, di Desa Seleman, Kecamatan Danau Kerinci, Kabupaten Kerinci dan di Kampung Pasir, Ulu Kelang, Ampang Selangor, Malaysia. Tujuan pengkajian ini adalah untuk mengenalpasti alasan pasangan suami isteri merantau ke Malaysia, dan untuk menyatakan struktur yang memungkinkan pasangan suami isteri merantau. Hasil penelitian beliau menunjukkan alasan pasangan suami isteri merantau ke Malaysia adalah disebabkan kerisauan terhadap pasangan, dorongan dari suami, dan perasaan aman untuk meninggalkan anak dengan anggota keluarga lainnya. Sedangkan struktur yang memungkinkan pasangan suami isteri merantau ke Malaysia di Desa Seleman adalah Kebiasaan (tradisi), dorongan orang tua atau keluarga, pandangan negatif masyarakat terhadap orang yang tidak merantau ke Malaysia pandangan positif masyarakat terhadap pasangan suami isteri yang merantau ke Malaysia.

Selain itu, penulisan daripada Suandi, 2010, Studi Pengaruh Sosio Demografi Terhadap Remittance: Pada Migrasi Internasional Tenaga Kerja Wanita (Tkw) Di Kabupaten Kerinci Provinsi Jambi juga memperlihatkan perkaitan dengan kajian yang dikaji oleh pengkaji. Objektif bagi kajian beliau adalah menganalisis pengaruh sosio demografi terhadap Remittance Tenaga Kerja Wanita (TKW) di Kabupaten Kerinci Provinsi Jambi. Penelitian ini dilakukan di Kabupaten Kerinci dengan memilih empat kecamatan, yakni Kecamatan Danau Kerinci, Keliling Danau, Bukit Kerman dan Kecamatan Gunung Raya. Pengkajian ini memerlukan waktu selama 6 (enam) untuk dijayakan. Objek penelitian adalah Tenaga Kerja Wanita (TKW) yang bekerja di Malaysia dengan status kawin dan memiliki anak. Sampel penelitian diambil secara 'snow ball sampling'. Jumlah responden sebanyak 64 orang. Data dianalisis dengan cara deskriptif dan uji statistik dengan menggunakan Regresi Linier Berganda. Hasil penelitian menunjukkan bahwa jumlah remitan (remittance) yang dikirmkan oleh TKW kepada keluarga yang tinggal di daerah asal sangat membantu keperluan keluarga yaitu mencapai 58.42 peratus. Hasil analisis menunjukkan bahwa faktor jumlah anggota keluarga, lama tinggal di daerah tujuan, dan pengeluaran keluarga di daerah asal terhadap berpengaruh signifikan

---

<sup>6</sup> Nur Farahkhanna Mohd Rusli, 2019, *Debukalisasi dan asimilasi fitur dalam Bahasa Kerinci : Analisis Teori Autosegmental*, PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 10, 2019 / ISSN 1823-6812 (134-150), perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm 135.

terhadap remitan, sedangkan faktor umur, tingkat pendidikan, dan jumlah pendapatan tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan.

Di samping itu, Sukri Nyompa, Noraziah Alit, Mohd Fuad Mat Jali, Katiman Rostam, 2012, yang mana kajian mereka ialah Migrasi dan Impaknya Terhadap Aspek Sosial dan Ekonomi di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Namun kajian ini mengfokuskan kepada Bandar Makassar. Kajian ini menganalisis pola migrasi dan impaknya terhadap aspek sosial dan ekonomi di Bandar Makassar. Bandar Makassar merupakan ibukota bagi Sulawesi Selatan terletak di lokasi strategik dan berfungsi sebagai pusat perhubungan antara wilayah barat ke timur mahupun dari wilayah utara ke selatan Indonesia. Posisi ini menyebabkan bandar Makassar mempunyai daya tarikan yang cukup kuat bagi para migran. Jumlah penduduk bandar Makassar pada tahun 2000 ialah 1.1 juta orang dan 38.2 peratus daripada jumlah itu adalah migran. Nisbah meningkat pada tahun 2010 kepada 43.62 peratus. Bilangan terbesar berasal dari bandar Bone, diikuti oleh Tana Toraja dan Jeneponto. Ciri migran berbeza-beza, terutama dari segi jumlah, umur, jantina, status perkahwinan, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain. Migrasi dikenalpasti sebagai punca kepadatan penduduk dan tekanan persekitaran, penawaran tenaga kerja meningkat, peningkatan pendidikan, persaingan pekerjaan, peningkatan kadar jenayah dan kesesakan petempatan. Sehubungan itu, pihak berkuasa bandar Makassar memerlukan polisi, strategi dan rancangan dan penerapan akta secara tegas dan tepat untuk mengatasi migrasi di bandar Makassar.

Seterusnya, daripada Mohamad Fauzi Sukimi dengan tajuk kajian beliau adalah Komuniti Maduradi Malaysia: Satu Pengamatan Antropologikal tentang Aspek Kepimpinan. Tema utama makalah ini ialah fenomenologi kepimpinan di kalangan anggota komuniti Madura yang bermigrasi ke Malaysia. Dalam komuniti Madura di Indonesia, daripada sudut *authority-defined*, kiyai tidak hanya penting sebagai pemimpin dalam aspek kerohanian, tetapi juga dalam aspek sosial dan politik. Malangnya, kiyai tidak turut serta orang Madura yang bermigrasi ke Malaysia sehingga terdapat ruang kosong dalam aspek kepimpinan dalam kehidupan mereka. Berdasarkan data kajian lapangan, makalah ini cuba mengupas pengalaman harian (*everyday-defined social reality*) anggota komuniti Madura di Kampung Teras Jernang, Bangi, Selangor, dalam aspek kepimpinan. Berdasarkan perspektif *everyday-defined* ini, tokoh yang dianggap sebagai pemimpin ditentukan berdasarkan senioriti, iaitu, siapa yang paling awal datang ke Malaysia. Faktor senioriti memainkan peranan kerana akan menentukan sejauh mana seseorang itu mempunyai sumber dalam bentuk ekonomi atau pengetahuan yang luas tentang seluk-beluk kehidupan di Malaysia. Secara keseluruhan patron berperanan penting dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh anak buahnya.

Untuk memahami konsep migrasi secara umum, pengkaji telah meneliti kajian yang dilakukan oleh Agung Stiyawan, Adi Dwi Susanto, Bhian Rangga JR, M.Khanif Mahmudin, Ricky Fitriyana, Yuli Setyo Dewi, 2010, yang bertajuk Teori Dan Konsep Migrasi yang mana menyatakan migrasi ini salah satu dari tiga komponen dasar dalam demografi. Tinjauan migrasi sangat penting dilakukan terutama terkait dengan kepadatan dan distribusi penduduk yang tidak merata. Ada dua dimensi penting dalam penalaahan migrasi, iaitu dimensi ruang/daerah dan dimensi waktu.

Manakala untuk memahami konsep masyarakat kerinchi, pengkaji telah memerhati penulisan yang ditulis oleh Putra. Eka.2012. Senarai Sejarah Kebudayaan Suku Kerinci dan Darmadi Saleh, 2008 "Haji Ahmad Gaqir Al-Kerinci: Sumbangan Dan Pemikiranannya Dalam Perkembangan Islam Di Kerinchi, Jambi, Indonesia". Di dalam penulisan mereka ini, pengkaji dapat memahami latarbelakang masyarakat kerinchi secara umumnya sama adan dari sudut sejarah, tatacara, dan migrasi.

## Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, untuk mendapatkan data-data yang tepat dan teliti, ianya perlu menggunakan kaedah pengumpulan data iaitu kepustakaan atau lebih dikenali sebagai metode dokumentasi, observasi (pemerhatian), temubual dan soal selidik. Namun di dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan beberapa kaedah iaitu metode dokumentasi sahaja untuk mengumpul data.

Bagi metode dokumentasi, ianya membabitkan dokumen-dokumen yang bertulis yang mana ianya berdasarkan sumber yang sahih iaitu dengan menggunakan dokumen dari Kamus istilah dewan bahasa dan pustaka, dan Buku-buku dan risalah yang berkaitan dengan masyarakat Kerinchi dan migrasi mereka ke Malaysia.

Manakalan untuk menganalisis data, data-data yang diperolehi telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan kaedah induktif. Kaedah induktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada perkara yang umum. Di samping itu, metode lain yang digunakan oleh penulis ialah kaedah deduktif. Melalui metode deduktif ini, penulis menganalisis data berdasarkan keterangan -keterangan bersifat umum untuk mendapatkan kesimpulan bersifat khusus.

## KONSEP MIGRASI

Migrasi merupakan aktiviti perpindahannya seseorang, sedangkan oranya yang pindah tempat tinggal disebut migrant. Definisi migrant menurut Perserikatan Bangsa Bangsa (PBB) "A migrant is a person who change his place of residence from one political or administrative area to another".<sup>7</sup>

Migrasi penduduk dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu, migrasi internal dan migrasi internasional. Migrasi internal adalah pergerakan penduduk baik dilakukan oleh individu mahupun kelompok yang keluar dari daerah asal mereka ke daerah yang lain yang mana ianya masih berlaku di dalam negara seperti dari luar bandar ke bandar, bandar ke luar bandar dan sebagainya. Manakala bagi migrasi internasional lebih tertumpu kepada perpindahan penduduk baik dilakukan oleh individu ataupun kelompok yang melepasi batas sempadan bagi sesebuah Negara. Migrasi tenaga kerja merupakan salah satu dari proses migrasi internasional. Terjadinya migrasi tenaga kerja internasional antara lain adalah disebabkan ketidaksamaan membahagian upah yang terjadi secara global, hubungan ekonomi dengan negara penerimanya, termasuk juga masalah perpindahan modal, peranan yang dimainkan oleh perusahaan multinasional, serta perubahan struktur dalam pasar kerja yang berkaitan dengan perubahan dalam pembagian kerja di peringkat internasional (international division of labour). Perpindahan penduduk dari Negara pengirim (sending country) ke negara penerima tenaga kerja migran (receiving country) akan membuat negara pengirim mendapat keuntungan berupa remittance, sedangkan negara penerima akan mendapat keuntungan berupa pasukan tenaga kerja murah.<sup>8</sup>

Perbezaan pendapatan antara daerah asal dengan daerah tujuan juga menjadi asbab arus migrasi ini berlangsung. Pendapatan yang dimaksudkan ini adalah pendapatan yang diharapkan

---

<sup>7</sup> Agung Stiyawan, Adi Dwi Susanto, Bhian Rangga JR, M.Khanif Mahmudin, Ricky Fitriyana, Yuli Setyo Dewi, 2010, *Teori Dan Konsep Migrasi*, SURAKARTA : Program Pendidikan Geografi, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Sebelas Maret. hlm 5.

<sup>8</sup> Hendriawan, Budi (7450406565). 2011, *Faktor-Faktor Pendorong Yang Mempengaruhi Penduduk Melakukan Moblitas Non Permanen Menjadi TenagaKerja Indonesia (TKI) Di Malaysia*, Semarang: Skripsi Jurusan Ekonomi dan Pembangunan FE Universitas Negeri Semarang, hlm 25.

(*expected income*) dan bukan pendapatan yang actual. Dengan ini para migran akan membandingkan pasaran tenaga kerja yang tersedia bagi mereka sama ada di daerah asal

mereka dengan daerah tujuan, dan kemudian mereka akan memilih salah satu daripadanya yang mana dianggap mempunyai keuntungan yang maksimum yang diharapkan (*expected gains*).<sup>9</sup>

Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi penduduk pada dasarnya mempunyai dua faktor iaitu faktor pendorong dan faktor penarik<sup>10</sup>:-

a) Faktor pendorong (*push factor*)

1. Semakin berkurangnya sumber-sumber kehidupan seperti menurunnya daya dukung persekitaran, menurunnya permintaan atas barang-barang tertentu yang mana bahannya susah untuk diperolehi.
2. Menyempitnya lapangan pekerjaan di tempat asal.
3. Adanya tekanan-tekanan politik, agama, suku sehingga mengganggu hak asasi penduduk daerah asal.
4. Alasan pendidikan, pekerjaan dan perkahwinan.
5. Bencana alam seperti banjir, kebakaran, gempa bumi, tsunami, musim kemarau berpanjangan atau adanya wabah penyakit.

b) Faktor penarik (*pull factor*)

1. Adanya harapan akan memperoleh kesempatan untuk memperbaiki taraf hidup.
2. Adanya kesempatan untuk memperoleh pendidikan yang baik.
3. Keadaan persekitaran dan keadaan hidup yang menyenangkan misalnya iklim, perumahan, sekolah, dan kemudahan awam lainnya.
4. Adanya aktiviti-aktiviti di kota besar, tempat-tempat hiburan, pusat kebudayaan sebagai daya tarikan bagi orang-orang dari daerah lain untuk bermukim di kota besar tersebut.

Menurut Everett S. Lee (1996) mengajukan empat faktor yang menyebabkan orang mengambil keputusan untuk melakukan migrasi iaitu<sup>11</sup>:-

1. Faktor yang terdapat di daerah asal
2. Faktor yang terdapat di daerah tujuan
3. Rintangan-rintangan yang menghambat
4. Faktor peribadi

## **Migrasi Masyarakat Kerinchi di Malaysia**

Dalam sejarahnya, Kerinchi merupakan daerah yang sangat unik sama ada dari segi kedudukan geografinya yang semula jadi, ia juga memiliki kekayaan alam sehinggalah kepada sejarah kebudayaan penghuninya. Menurut orientalis, Kerinchi adalah nama satu daerah yang terletak di pulau Sumatera. Suku Kerinchi merupakan suku yang tertua yang ada di provinsi Jambi, bahkan boleh dikatakan sebagai salah satu suku asli yang pertama datang ke Sumatera. Pengklasifasian suku ini sebagai suku yang tertua adalah disebabkan kerana pada zaman

---

<sup>9</sup> Nurmailinda, 2017, *Alasan Pasangan Suami Istri Merantau Ke Malaysia Kasus Desa Seleman, Kecamatan Danau Kerinci, Kabupaten Danau Kerinci*, Padang : Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik Universitas Andalas Padang, hlm 15

<sup>10</sup> Agung Stiyawan, Adi Dwi Susanto, Bhian Rangga JR, M.Khanif Mahmudin, Ricky Fitriyana, Yuli Setyo Dewi, 2010, *Teori Dan Konsep Migrasi*, SURAKARTA : Program Pendidikan Geografi, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Sebelas Maret. hlm 7-8

<sup>11</sup> *ibid*, hlm 8

Mesolitikum sudah ada manusia yang tinggal di provinsi ini. Hal ini dapat dibuktikan lagi dengan penemuan artifak oleh Dr. A.N.J.Th A Van Der Hoop dari obsidian di tepi danau Kerinci yang sama dengan alat yang terdapat di Bandung.<sup>12</sup>

Mesolitikum merupakan zaman peralihan antara Paleolitikum dan Neolitikum. Bukti dari zaman itu adalah dengan adanya penemuan obsidian seperti batuan vulkanis serupa kaca yang berwarna hitam dan apabila dipecahkan ia akan membentuk sisi yang tajam. Hasil dari serpihan ini, mereka akan gunakan sebagai alat untuk keperluan harian seperti bercucuk tanam dan berburu.<sup>13</sup>

Ir. Herry Defrizal, Mukramin, MM (2012) dan Dr Joni Mardizal, MM calon doktor Universiti Negeri Jakarta (2012) menyatakan masyarakat Kerinchi dari zaman dahulu dikenali sebagai masyarakat perantau bahkan mereka merantau dan menetap hingga ke negara jiran. Di provinsi Jambi, masyarakat Kerinchi menyebar ke setiap sudut daerah sehingga ke wilayah terpencil. Meski berada di luar alam Kerinchi, akan tetapi keturunan masyarakat ini masih menggunakan sistem kekerabatan seperti tempat asal mereka.<sup>14</sup>

Umumnya warga perantau khususnya yang ada di Medan-Sumatera utara masih menggunakan bahasa dan dialek Kerinchi sebagai bahasa komunikasi dengan sesama penduduk yang dihuni dengan suku Kerinchi. Selain itu, masyarakat Kerinchi juga banyak merantau ke Sumatera Barat, Riau, Sumatera Selatan, Bongkulu Jakarta, Bogor, Tangerang, Bekasi, Jawa Barat dan beberapa kota lainnya di Nusantara. Dan ada juga diantara mereka memilih hidup menetap dan menikah dengan penduduk tempatan di Nusantara seperti di Malaysia.<sup>15</sup>

Dewasa ini, ribuan masyarakat Kerinchi yang menetap dan menjadi penduduk tetap di Malaysia. Sebahagian daripada mereka adalah tenaga kerja dan penduduk tetap di semenanjung Malaysia. Pada tahun 1939, jumlah masyarakat Kerinchi yang merantau di Malaysia mengalami peningkatan yang sangat pesat. Pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20 merupakan gelombang migrasi terbesar bagi masyarakat Kerinchi ke Malaysia.<sup>16</sup> Kebanyakan mereka telah membina penempatan di Klang dan beberapa kawasan perkebunan di sekitar Hulu Langat, Kuala Kubu, Kemensah dan Hulu Yam. Pada awalnya mereka mendapat bantuan di samping hubungan baik dengan penduduk tempatan, telah membuka perlahan-lahan perkebunan pokok getah, bercucuk tanam dan penternak. Selain itu, corak kehidupan, faktor persamaan ras dan budaya “Melayu” membuatkan warga asal Kerinchi ini sangat mudah diterima oleh penduduk tempatan malah ada juga diantara mereka telah berkahwin dengan warga tempatan.

Di dalam sejarah, menceritakan tokoh Haji Abdullah Hukum sangat dikenali dan sinonim bagi masyarakat Kerinchi. Dengan beliau, banyak kawasan-kawasan baru di sekitar Kuala Lumpur telah dibuka dan dimajukan antaranya di Pudu (kawasan Bukit Bintang), Bukit Nenas (tapak Menara Kuala Lumpur), Sungai Putih (Jalan Bangsar).<sup>17</sup> Secara keseluruhannya, kawasan Abdullah Hukum mulai dari bahagian selatan Jalan Bangsar antara stesen Rapid KL Kelana Jaya dan Sungai Klang sehingga salah satu jalan di Kuala Lumpur yang dikenali

---

<sup>12</sup> Tabran Kahar, 1981, *Upacara Tradisional Daur Hidup Daerah Kerinci*, Laporan Projek IDKD, hlm 43

<sup>13</sup> Idris Djakfar Depati Agung, 2001, *Seri Sejarah Kerinci I: Menguk Tabir Prasejarah di Alam Kerinci*, cet. 1, Kerinci, Jambi: Percetakan “Anda”, hlm. 23.

<sup>14</sup> Putra. Eka.2012. *Senarai Sejarah Kebudayaan Suku Kerinci*, Sungai Penuh: Bina Potensia hlm, 47

<sup>15</sup> ibid, hlm 48

<sup>16</sup> ibid,

<sup>17</sup> Editor Yadim, 2015, *Abdullah Hukum*, <http://www.yadim.com.my/v2/abdullah-hukum/>, dicapai pada 2 Jun 2020

sebagai Jalan Abdullah Hukum.<sup>18</sup> Pembukaan kawasan baru ini adalah hasil usaha beliau menghadap Raja Mahmud dan telah mendapatkan surat kebenaran baginda. Di kawasan ini beliau dan para pengikutnya yang berketurunan Kerinchi ini menjalankan kegiatan bercucuk tanam sayur-sayuran, tebu, pisang, sirih dan sebagainya termasuk juga ada yang bersawah padi.<sup>19</sup>

Pada awal kemerdekaan Tanah Melayu, pemerintah iaitu kerajaan dan kesultanan telah memberikan kelulusan kepada setiap warga yang berketurunan Indonesia termasuk suku Kerinchi untuk menjadi penduduk tetap dan warganegara Malaysia sehingga ada antara mereka pada masa kini menjawat jawatan penting dalam sistem pemerintahan Malaysia. Gelombang migrasi masyarakat Kerinchi ke semenanjung Malaysia sudah bermula sejak tahun 1900-1915, dengan pada saat itu, diperhitungkan seramai lebih kurang 180,000 warganegara Malaysia yang berketurunan Kerinchi dan tenaga kerja Indonesia menetap di pelbagai kawasan pemukiman di semenanjung Malaysia.<sup>20</sup>

Penduduk Malaysia keturunan suku Kerinchi dan para tenaga kerja Indonesia suku Kerinchi sesuai dengan kebiasaannya suka hidup dan bermukim secara mengelompok. Kelompok keluarga Kerinchi yang mendiami satu kawasan biasanya berasal dari dusun-dusun asli Kerinchi yang mereka tinggalkan, sebagai contoh, warga Kerinchi asal Dusun Seleman Kecamatan Danau Kerinchi menetap di kawasan Kuala Kubu Baru dan Hulu Langat, orang Dusun Tanjung Tanah bermukim di kawasan Kampung Kerinchi dan Kampung Pasir, orang dusun Jujun dan orang dusun Pulau Tengah menetap di kawasan Pansun dan Hulu Langat hujung. Orang Dusun Lempur Danau dan Dusun Semerap menetap di kawasan pemukiman Sungai Pencala, Orang Kerinci Mudik terutama orang Dusun Sungai Abu, Sungai Tutung, Sekungkung dan sekitarnya umumnya menetap di kawasan pemukiman Sungai Tekali, Orang Dusun Sanggaran Agung, Pendung Talang Genting Kecamatan Danau Kerinchi, Temiai Kecamatan Batang Merangin, dan sekitarnya menetap dikawasan Gombak hujung, warga dari dusun dusun lainnya asal alam Kerinchi sebahagiannya bermukim secara berselerak di kawasan Sabak Bernam, Tanjung Malim, Perak, Pahang, Hulu Yam, Kelang, Selangor.<sup>21</sup>

Kini, banyak masyarakat Kerinchi yang menjadi tenaga kerja Indonesia (TKI) dalam sektor swasta di perusahaan kilang, pasaraya, jasa service, dan ada juga yang menjadi pembantu rumah. Jika hendak dibandingkan dengan pendapatan di negara sendiri, pendapatan para pekerja jauh lebih baik dan banyak diperolehi apabila mereka berkerja di Malaysia. Purata gaji minima para pekerja sektor informal (TKI) adalah sebesar RM700 sehingga RM900 atau setara dengan Rp.2.000.000 hingga Rp.3.000.000 per bulan. Di samping itu, kebanyakan rakyat Malaysia yang berketurunan Kerinchi dan para tenaga kerja Indonesia sangat bernasib baik dan hidup dalam kecukupan khususnya bagi TKI yang mana mereka dapat menabung dan mengirim wang kepada keluarga mereka di tanah air mereka.<sup>22</sup>

Khusus untuk masyarakat Kerinchi yang menetap dan bekerja sebagai Tenaga Kerja mereka mendapat tempat di kalangan komuniti masyarakat asli warga Malaysia. Hal ini kerana, persamaan budaya dan perilaku tenaga kerja Indonesia asal Kerinchi yang cukup kuat dan harmoni dapat diterima oleh masyarakat Malaysia bahkan sangat jarang terjadi tindakan buruk

---

<sup>18</sup> Teropong Jambi, 2019, *Nama Kampong Kerinci Di Malaysia, Digunakan Kembali Setelah Delapan Tahun Diganti Bangsar South*, <https://teropongjambi.com/nama-kampung-kerinci-di-malaysia-digunakan-kembali-setelah-delapan-tahun-diganti-bangsar-souht/>, dicapai pada 2 Jun 2020

<sup>19</sup> Editor Yadim. 22 Mei 2015, *Abdullah Hukum*, <http://www.yadim.com.my/v2/abdullah-hukum/>, dicapai pada 2 Jun 2020

<sup>20</sup> *ibid*, halaman 50

<sup>21</sup> *ibid*

<sup>22</sup> *ibid*, hlm 49



terhadap masyarakat Kerinchi. Di samping, terdapat juga beberapa warga Malaysia sering mengunjungi Kerinchi dan membantu mereka yang mana mendapatkan kesulitan ekonomi. Justeru itu, tidak dapat dinafikan hubungan orang suku Kerinchi di Malaysia dengan masyarakat asli Malaysia sejak puluhan tahun berjalan dengan harmoni.<sup>23</sup>

Keputusan masyarakat Kerinchi untuk melakukan migrasi ini adalah dipengaruhi oleh dua faktor iaitu faktor pendorong dari kawasan asal dan faktor penarik yang terdapat di kawasan tujuan. Namun terdapat banyak pengkaji menyimpulkan bahawa diantara banyak faktor pendorong dan faktor penarik yang ada, sebenarnya faktor ekonomi merupakan faktor yang dominan bagi setiap keputusan yang diambil oleh seseorang untuk melakukan migrasi.<sup>24</sup> Ertinya akan terjadinya yang mana kawasan yang peluang ekonominya kurang atau sempit ke kawasan yang memberikan peluang ekonomi yang lebih banyak dan luas.<sup>25</sup>

Selain itu, provinsi Jambi telah memperlihatkan adanya fenomena migrasi antara negara terutamanya bagi masyarakat Kerinchi. Masyarakat Kerinchi sememangnya melakukan perantauan atau migrasi di Malaysia untuk sekian lamanya. Hal ini disebabkan oleh keadaan sosioekonomi masyarakat di daerah asal yang tidak memungkinkan untuk memenuhi keperluan. Di samping itu, mereka beranggapan bahawa negara Malaysia adalah negara tujuan yang tepat untuk merantau atau bermigrasi. Hal ini ditambahkan lagi dengan adanya pengaruh dari anggota keluarga yang sudah terlebih dahulu merantau dan menetap di Malaysia selain berupaya meningkatkan taraf hidup mereka.

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, masih banyak pengkajian mengenai masyarakat Kerinchi yang masih belum diterokai dan dihasilkan. Sejarah menunjukkan masyarakat Kerinchi adalah satu bangsa yang berasal dari Indonesia yang mana mula melakukan perantaun di Tanah Melayu untuk sekian lamanya. Di Malaysia sendiri untuk membuktikan masyarakat ini benar wujud dan menjadi sebuah komuniti yang mempengaruhi jumlah penduduk Malaysia dengan adanya Kampung Kerinchi di Bangsar. Selain menetap disini untuk waktu yang lama, pada masa kini kebanyakan masyarakat Kerinchi datang ke Malaysia sebagai tenaga kerja Indonesia. Mereka migrasi ke sini disebabkan beberapa faktor, akan tetapi yang paling ketara ialah faktor ekonomi di Malaysia yang sangat pesat. Mereka ke sini adalah untuk mencari kehidupan yang lebih baik yang mana dapat memenuhi keperluan mereka dan keluarga mereka di negara asal mereka. Selain itu, pendapatan yang mereka perolehi di sini juga sangat banyak jika hendak dibandingkan dengan negara asal mereka selain itu dari dorongan kerabat mereka yang tersedia ada yang menetap di Malaysia. Maka tidak hairanlah Malaysia menjadi negara tujuan utama mereka yang bermigrasi dan mencari punca pendapatan mereka.

---

<sup>23</sup> Ibid, halaman 50.

<sup>24</sup> Nurmailinda, 2017, *Alasan Pasangan Suami Istri Merantau Ke Malaysia Kasus Desa Seleman, Kecamatan Danau Kerinci, Kabupaten Danau Kerinci*, Padang : Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik Universitas Andalas Padang, hlm 5-6.

<sup>25</sup> Suandi, 2010, *Studi Pengaruh Sosio Demografi Terhadap Remittance Pada Migrasi Internasional Tenaga Kerja Wanita (Tkw) Di Kabupaten Kerinci Provinsi Jambi*, JAMBI : Program Studi Magister Ilmu Kependudukan DAN Ketenagakerjaan Pascasarjana Universitas Jambi, hlm 183.

## RUJUKAN

Abdullah, Syahfirin. 1996. *Faktor-Faktor Penentu Status Migran Penduduk Propinsi Lampung, Thesis Mahasiswa Pasca Sarjana*. Jakarta: Pasca Sarjana Universitas Indonesia.

Agung Stiyawan, Adi Dwi Susanto, Bhian Rangga JR, M.Khanif Mahmudin, Ricky Fitriyana, Yuli Setyo Dewi, 2010, *Teori Dan Konsep Migrasi*, SURAKARTA : Program Pendidikan Geografi, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Sebelas Maret.

Editor Yadim, 2015, *Abdullah Hukum*, <http://www.yadim.com.my/v2/abdullah-hukum/>, dicapai pada 2 Jun 2020

Hendriawan, Budi (7450406565). 2011, *Faktor-Faktor Pendorong Yang Mempengaruhi Penduduk Melakukan Moblitas Non Permanen Menjadi TenagaKerja Indonesia (TKI) Di Malaysia*, Semarang: Skripsi Jurusan Ekonomi dan Pembangunan FE Universitas Negeri Semarang,

Idris Djakfar Depati Agung, 2001, *Seri Sejarah Kerinci I: Menguak Tabir Prasejarah di Alam Kerinci*, cet. 1, Kerinci, Jambi: Percetakan “Anda”.

Kamus Dewan Edisi Keempat, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=migrasi>

Nur Farahkhanna Mohd Rusli, 2019, *Debukalisasi dan asimilasi fitur dalam Bahasa Kerinci : Analisis Teori Autosegmental*, PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 10, 2019 / ISSN 1823-6812 (134-150), perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nurmailinda, 2017, *Alasan Pasangan Suami Istri Merantau Ke Malaysia Kasus Desa Seleman, Kecamatan Danau Kerinci, Kabupaten Danau Kerinci*, Padang : Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik Universitas Andalas Padang.

Putra. Eka.2012. *Senarai Sejarah Kebudayaan Suku Kerinci*, Sungai Penuh: Bina Potensia.

Siti Salmiah A Hamid, 2016, *Transformasi Kampung Kerinci*, <https://www.hmetro.com.my/node/153645>, dicapai pada 14 Mei 2020

Suandi, 2010, *Studi Pengaruh Sosio Demografi Terhadap Remittance Pada Migrasi Internasional Tenaga Kerja Wanita (Tkw) Di Kabupaten Kerinci Provinsi Jambi*, JAMBI : Program Studi Magister Ilmu Kependudukan DAN Ketenagakerjaan Pascasarjana Universitas Jambi.

Sukri Nyompa, Noraziah Alit, Mohd Fuad Mat Jali, Katiman Rostam, 2012, *Migrasi dan Impaknya Terhadap Aspek Sosial dan Ekonomi di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia*, Jurnal Perspektif Vol. 4 No. 2 (Nov. 2012) 85-98 ISSN 1985 - 496X, Selangor : Centre for Social, Development and Environmental Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia

Syaukat, Ahmad. 1997. *Faktor-Faktor Yang Menentukan Pilihan Derah Tujuan Migrasi Penduduk Jawa Barat Berdasarkan Data SUPAS 1985*, Thesis Mahasiswa Pasca Sarjana. Jakarta: Pasca Sarjana Universitas Indonesia.

Tabran Kahar, 1981, *Upacara Tradisional Daur Hidup Daerah Kerinci*, Laporan Proyek IDKD.

Teropong Jambi, 2019, *Nama Kampung Kerinci Di Malaysia, Digunakan Kembali Setelah Delapan Tahun Diganti Bangsar South*, <https://teropongjambi.com/nama-kampung-kerinci-di-malaysia-digunakan-kembali-setelah-delapan-tahun-diganti-bangsar-souht/>, dicapai pada 2 Jun 2020